



## **PRESS RELEASE**

### **JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

#### **SEMINAR PEMATUHAN KILANG KELAPA SAWIT TERHADAP AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK TAHUN 2019**

**6 OGOS 2019  
HOTEL IMPERIAL, KUCHING**

---

**KUCHING, 6 OGOS 2019 (SELASA)** : Seramai lebih kurang 200 peserta dari industri kilang kelapa sawit seluruh Negeri Sarawak, perunding alam sekitar, penyedia teknologi dan agensi kerajaan telah menyertai Seminar Pematuhan Kilang Kelapa Sawit Terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi Tahun 2019 anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Kelab Kebajikan dan Sukan Kakitangan JAS Sarawak (KESSAR) yang telah berlangsung pada 6 Ogos 2019 di Hotel Imperial, Kuching.

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Putrajaya. Objektif utama penganjuran seminar adalah sebagai platform penyaluran dan perkongsian maklumat dan halatuju Jabatan Alam Sekitar berdasarkan keperluan perundangan semasa kepada industri kilang kelapa sawit secara khususnya.

Seminar kali ini memfokuskan kepada prosedur permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19 dan permohonan lesen di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang berkaitan dengan kilang kelapa sawit. Selain daripada itu, turut diterangkan berkenaan keperluan untuk mematuhi Peraturan 5 & 7, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Di dalam teks ucapannya, Tn Haji Rosli bin Zul memaklumkan terdapat peningkatan ketara di dalam jumlah permohonan Pindaan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak sejak tahun 2017. Peningkatan ketara ini adalah menunjukkan premis ke arah mematuhi had pelepasan parameter BOD<sub>3</sub> pada kepekatan 20mg/L yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Hampir keseluruhan permohonan Pindaan KB yang diterima adalah bagi menaiktaraf Sistem Pengolahan Effluen (SPE) premis untuk mematuhi had pelepasan tersebut.

Pematuhan kepada nilai batas dan standard teknikal, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 juga disentuh di dalam seminar ini. Sepertimana diperuntukan di bawah Seksyen 22(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, kilang kelapa sawit yang belum patuh boleh memohon Lesen Pelanggaran bagi melanggar had pelepasan yang ditetapkan.

Dari Januari hingga Jun 2019, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 27 permohonan Notifikasi (39 alat pembakaran bahan api, 23 sistem kawalan pencemaran udara) di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dari industri kilang kelapa sawit bagi menaiktaraf atau pemasangan baru sistem kawalan pencemaran udara (SKPU). Terdapat peningkatan jumlah permohonan yang diterima di mana sepanjang tahun 2018, hanya sejumlah 12 permohonan Notifikasi (16 alat pembakaran bahan api, 20 sistem kawalan pencemaran udara) diterima. Ini jelas menunjukkan KKS di Negeri Sarawak telah mengambil tindakan yang sewajarnya dan komited ke arah mematuhi had pelepasan nilai batas dan standard teknikal di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Di majlis seminar hari ini juga, satu kertas kerja berkenaan *Cleaner Production* (CP), pemakaian dan aplikasinya di dalam industri pengilangan minyak kelapa sawit telah dibentangkan. Pada masa ini pendekatan CP adalah masih secara sukarela (*voluntarily*) oleh pihak industri. Pihak industri khususnya industri kilang kelapa sawit adalah dialu-alukan untuk mengaplikasikan pendekatan CP di dalam pengendalian dan operasi kilang di mana pihak kilang boleh mendapat manfaat secara langsung dari segi pengurangan kos operasi, perolehan kembali sumber (*resource recovery*) serta penggunaan semula sumber dan bahan buangan.

Untuk rekod, sebanyak lapan puluh satu (81) permohonan pembaharuan lesen KKS telah diluluskan untuk tempoh pelesenan dari 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2020 dan tiga (3) permohonan lesen baru juga telah diluluskan menjadikan keseluruhan kilang kelapa sawit yang dilesenkan di bawah Seksyen 18(1) AKAS 1974 di Negeri Sarawak bagi tempoh pelesenan dari 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak lapan puluh empat (84) kilang.

Di akhir teks ucapannya, sekali lagi Tn Haji Rosli bin Zul memperingatkan kilang kelapa sawit berkenaan pemakaian had pelepasan BOD<sub>3</sub> pada kepekatan 20mg/L berkuatkuasa dari 1 Januari 2020 sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Kilang kelapa sawit adalah diingatkan untuk sentiasa menjalankan pemantauan prestasi dan sistem pengolahan efluen diselia oleh orang yang berwibawa pada setiap masa tanpa gagal agar had pelepasan yang ditetapkan dapat dipatuhi.

**Tamat**